



## MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

### PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **Rakyat DYMM Sultan Perak** dan **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU AWAM GRED H11**  
(Kekosongan Jawatan : 6)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,218.00 – Maksimum RM 2,939.00
- (f) Syarat Lantikan :
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) **Warganegara Malaysia;**
    - (b) Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan ;
    - (c) (i) **Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM 1,218.00).
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :
  2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- (h) Penetapan Gaji Permulaan :
  3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- (i) Latihan :
  4. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- (j) Taraf Jawatan : **Tetap / Kontrak**

(k) Cara memohon:-

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/penjawatan/>
- ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan dalam borang akan ditolak.
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:-

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59,  
**35900 TANJONG MALIM**

Tarikh tutup permohonan : **1 Ogos 2022 (Isnin)**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.